

24 JUN 2003

Parlimen-Reaksi

PELANTIKAN CHAN KONG CHOY TIDAK AKAN TENGGELAMKAN ONG KA TING

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Datuk Chan Kong Choy berkata pelantikan beliau sebagai Menteri Pengangkutan tidak akan menenggelamkan peranan Datuk Seri Ong Ka Ting sebagai Presiden MCA.

Beliau berkata jawatannya sebagai Menteri Pengangkutan tidak bermakna beliau telah memegang satu portfolio yang lebih penting berbanding portfolio yang di pegang oleh Ong sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

"Semua portfolio penting, bukan satu portfolio kurang penting daripada yang lain, semuanya sama penting," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas mengenai pelantikan beliau ke jawatan itu seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pagi tadi.

Chan yang juga Timbalan Presiden MCA menganggap pelantikan itu sebagai satu tanggungjawab yang lebih besar kerana Kementerian Pengangkutan berkait rapat dengan pembangunan negara.

"Saya anggap ini satu cabaran dan akan cuba sedaya upaya untuk menjalankan tugas baru yang diserahkan itu," katanya.

Chan merupakan naib presiden MCA sehingga jawatankuasa pusat MCA pada 23 Mei lepas memilih beliau sebagai timbalan presiden parti.

Pelantikan Chan hari ini dibuat ekoran peletakkan jawatan oleh Dr Ling sebagai Menteri Pengangkutan pada 28 Mei lepas. Dr Ling telah memegang jawatan itu selama 17 tahun sejak 1986.

Sementara itu Ong ketika mengulas mengenai pelantikan itu berkata beliau akan memastikan semua anggota MCA yang dilantik ke jawatan baru mereka akan sentiasa bekerja sebagai satu pasukan.

"Sebagai pemimpin MCA saya akan pastikan semua anggota baik yang dilantik sebagai Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen sama-sama berbincang, bermuafakat dan sentiasa mengamalkan semangat Barisan Nasional (BN)," katanya.

Perubahan itu juga menyaksikan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk M. Kayveas berpindah ke Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Kayveas yang ditemui pemberita berkata perpindahan itu membawa cabaran yang lebih besar berbanding portfolio yang dipegangnya sebelum ini.

"Ini merupakan satu cabaran yang lebih besar kepada saya kerana JPM merupakan satu jabatan yang lebih besar, tambahan sebagai timbalan kepada Datuk Seri Rais Yatim akan memberi peluang kepada saya menggunakan pengalaman saya sebagai seorang peguam," katanya.

Beliau juga berkata perpindahannya itu juga tidak ada kena-mengena dengan tindakannya mendedahkan skandal salah guna kuasa dalam Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), malah akan terus mengekalkan kelazimannya sebagai seorang yang lantang dalam menyuarakan sebarang ketidakadilan.

Bekas Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Dr Ng Yen Yen menyifatkan pelantikannya sebagai Timbalan Menteri Kewangan II sebagai satu lagi langkah yang mengiktirafkan peranan kaum wanita dalam institusi pentadbiran negara.

Pelantikannya itu menjadikan beliau sebagai wanita pertama yang menjawat jawatan itu.

Manakala Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir ketika mengulas mengenai pelantikan Dr Ng menyifatkan ianya sebagai satu kehilangan kepada Kementerian itu dan keuntungan kepada Kementerian Kewangan.

"Kebolehan, kegigihan dan kualiti yang ditunjukkan oleh Dr Ng selama

empat tahun berada di Kementerian ini amat membanggakan, malah bagi saya beliau sudah layak untuk memegang portfolio sebagai Menteri penuh," katanya.

Bekas Menteri Pengangkutan dan Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik turut memberikan reaksi yang memberangsangkan atas pelantikan Dr Ng dan mengharapkan dengan pelantikan itu, Dr Ng dapat memberi penekanan terhadap isu-isu kaum wanita dalam sektor kewangan.

Sementara itu Ahli Parlimen Mentakab Datuk Fu Ah Kiow yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan berkata beliau berterima kasih kepada Perdana Menteri dan MCA atas kepercayaannya terhadap beliau.

Bekas Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Penerangan Donald Lim Sing Chai berharap pengalamannya berurusan dengan pelbagai peringkat masyarakat dapat digunakan untuk menjalankan tugas barunya dengan lebih berkesan.

Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainuddin Maidin menyambut baik pelantikan Donald sebagai Timbalan Menteri di Kementerian itu kerana beliau akan dapat membantu tugas-tugas mengawalselia isu-isu berkaitan masyarakat Cina termasuk laporan berita daripada akhbar berbahasa Mandarin.

Beliau berkata Donald juga akan dapat meringankan beban kerja yang ditanggungnya sekarang.

Wakil Rakyat Ipoh Barat Datuk Ir Ho Cheong Sing yang dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata pelantikannya merupakan sesuatu yang bersejarah kepada Lembah Kinta kerana sudah lebih 20 tahun tidak ada wakil rakyat daripada kawasan itu yang dipilih sebagai anggota Kabinet.

Manakala Anggota Parlimen Arau, Datuk Mastika Junaidi Husin menyifatkan pelantikannya sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga sebagai sesuatu yang mengejutkan dan sentimental.

"Bagi saya pelantikan ini amat mengejutkan dan pada masa yang sama sesuatu yang sentimental apatah lagi apabila Perdana Menteri akan bersara tidak lama lagi," katanya.

Mastika yang mengetahui berita pelantikannya itu daripada suaminya berkata beliau akan cuba memenuhi tanggungjawab yang diserahkan kepadanya sebagai Setiausaha Parlimen yang pertama bagi Kementerian itu.

Menteri di Kementerian itu, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil ketika ditemui mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana telah memenuhi permintaan Kementerian untuk mengisi jawatan Setiausaha Parlimen setelah dua setengah tahun ditubuhkan.

"Saya percaya antara saya dan pegawai Kementerian yang lainnya dapat bekerjasama dengan Datuk Mastika yang berpengalaman dalam kerja-kerja `akat umbi', politik, isu wanita dan pembangunan keluarga dalam mencapai kecemerlangan bagi Kementerian ini," katanya.

Mengenai pelantikan Dr Ng, Shahrizat berharap beliau akan dapat membantu Menteri Kewangan khususnya dalam agenda berhubung kaum wanita seperti isu usahawan wanita, pinjaman dan mikro kredit.

-- BERNAMA

SNS PR